

PERTANDINGAN MEMASAK SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH MAGGI 2023

DENGAN KERJASAMA



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

BERSAMA

NESTLÉ PRODUCTS SDN. BHD.



PENGENALAN

Pertandingan Memasak Sekolah – Sekolah Menengah Peringkat Negeri dan Kebangsaan, anjuran bersama MAGGI® (MAGGI® Secondary School Cooking Competition) telah diperkenalkan semenjak tahun 1997.

Setiap tahun, 16 buah sekolah akan mewakili Jabatan Pendidikan Negeri ke peringkat Kebangsaan. Pertandingan ini melibatkan Guru ERT dan KHB serta pegawai Unit Kokurikulum di Jabatan Pendidikan Negeri masing - masing.

Pertandingan Memasak Sekolah Menengah Peringkat Negeri, terbuka kepada murid - murid Tingkatan 1-3. Pertandingan ini adalah untuk membantu Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memupuk minat murid untuk memilih elektif Ekonomi Rumah Tangga (ERT) dalam mata pelajaran pendidikan Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB).

OBJEKTIF PERTANDINGAN MEMASAK SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH MAGGI 2023

- Memupuk minat suka memasak dan mencungkil bakat serta meninggikan tahap kreativiti murid.
- Menyemai kesedaran mendalam terhadap masakan berkhasiat dan pemakanan seimbang yang lengkap dalam kehidupan seharian.
- Menjadikan bidang masakan sebagai salah satu pilihan kerjaya yang cemerlang untuk masa depan pelajar.



SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN MEMASAK SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH MAGGI 2023

**SAJIAN SEIMBANG
INSPIRASI WARISAN**

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN MEMASAK SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH MAGGI 2023

1. Kelayakan Peserta:

- a) Terbuka kepada murid **Tingkatan 1-3 (berumur 13 tahun – 15 tahun) secara sukarela** tanpa paksaan mana-mana pihak.
- b) Peserta tidak mengalami apa-apa masalah kesihatan yang boleh mengganggu atau memudaratkan diri ketika perjalanan pertandingan.
- c) Setiap penyertaan terdiri daripada **dua (2) orang murid**.
- d) Hanya dua (2) murid sahaja yang boleh berada dalam video.
- e) Sekolah boleh menghantar lebih dari satu (1) penyertaan.

2. Syarat-syarat Penyertaan Modul Pembelajaran dan Pertandingan secara Online

Peringkat Pertama – Penyertaan Modul Pembelajaran dan Quiz

- a) Peserta perlu melayari laman web MAGGI® untuk menonton kelima-lima modul Pendidikan
<https://www.maggi.my/ms/memupuk-generasi-muda/pertandingan-memasak-MAGGI-2023/>
- b) Peserta perlu muat turun borang persetujuan dan diwajibkan untuk mengisi serta mengemukakan maklumat peribadi berserta dengan persetujuan daripada ibubapa/penjaga semasa pendaftaran.
- c) Peserta perlu muat turun video di Facebook untuk mendapatkan pautan untuk disertakan didalam borang Qualifio. Akaun media sosial perlu ditetapkan kepada umum.
- d) Peserta perlu menjawab Quiz di Qualifio serta kongsi pautan resipi video dan borang-borang yang lengkap diisi.
- e) Peserta perlu melengkapkan kuiz, borang-borang maklumat dan persetujuan daripada ibubapa/penjaga, serta muat turun pautan video dan resipi untuk layak mendapat sijil kokurikulum yang disahkan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.
- f) Tarikh penyertaan MSSCC secara 'Online' adalah dari
 - i. **1 September 2023** pada jam **8:00 pagi** sehingga **7 November 2023** pada jam **11:59 malam** (tertakluk kepada pindaan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan MAGGI®).

Peringkat Kedua – Syarat-syarat Penyertaan Pertandingan Memasak Secara 'Online'

Peserta perlu membaca kesemua garis panduan dan langkah-langkah yang telah ditetapkan oleh pihak MAGGI® untuk menyertai Pertandingan Memasak 2023:

- a) Peserta perlu merakam video memasak dan muat naik di laman Facebook atau Instagram untuk mendapatkan pautan dan pastikan privasi akaun Facebook atau Instagram ditetapkan ke awam.
- b) Pautan video di Facebook atau Instagram haruslah dimuatnaik di Borang Qualifio untuk melengkapkan proses menyertai pertandingan.
- c) Peserta digalakkan melakukan aktiviti memasak ini di rumah atau disekolah dengan pengawasan oleh pihak ibu bapa atau guru pembimbing demi keselamatan diri.
- d) Peserta boleh memakai pakaian yang sopan, kemas dan selamat.
- e) Video resipi hendaklah menggunakan bahasa Kebangsaan sebagai bahasa perantaraan.

Langkah 1 – Penyertaan Pertandingan Memasak secara 'Online'

- a) Tema Masakan 2023: **Sajian Seimbang Inspirasi Warisan.**
- b) Masakan yang disediakan mestilah HALAL dengan menggunakan produk-produk MAGGI® dan Nestle®.
- c) Peserta diwajibkan mengguna sekurang-kurangnya dua (2) produk MAGGI® atau Nestle® dalam setiap resipi yang dibuat.
- d) Peserta tidak dibenarkan menggunakan produk pesaing yang sama dengan produk Nestle®. Masakan yang menggunakan produk pesaing yang sama dengan MAGGI® atau Nestle® akan dibatalkan dan tiada markah akan diberikan untuk resipi tersebut. Contoh: Sos Cili Cap Ayam, Sos Tomato Cap Ayam, Perencah Perasa Cap Ayam dan selanjutnya.
- e) Peserta dibenarkan untuk menggunakan bahan segar, rempah ratus dan bahan-bahan masakan atau produk pesaing yang bukan sama dengan bahan MAGGI® tanpa mempamerkan jenama.
- f) Setiap hidangan hendaklah dimasak untuk dua (2) orang sahaja.
- g) Jumlah keseluruhan kos untuk satu (1) hidangan lengkap tidak boleh melebihi RM50.00.
- h) Peserta perlu menunjukkan secara terperinci resepi dan kos masakan yang dipertandingkan didalam penyertaan. (Rujukan Lampiran 1)
- i) Peserta perlu membeli terdahulu bahan mentah berserta bahan-bahan memasak yang lain semasa pertandingan.
- j) Semua peserta bertanding perlu mempamerkan satu (1) hidangan yang seimbang dan lengkap mengandungi karbohidrat, protein, sayuran atau buah buahan mengikut konsep pinggan sihat Malaysia – suku suku separuh.

Langkah 2: Panduan video memasak

- a) Peserta perlu menunjukkan kreativiti persembahan didalam video mengikut syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak MAGGI.
- b) Peserta juga perlu memberitahu konsep serta latar belakang masakan yang dipertandingkan.
- c) Peserta harus menerangkan kombinasi kandungan nutrisi dalam masakan yang dihidangkan (seperti karbohidrat, protin and sayuran).
- d) Peserta hanya dibenarkan memasak dengan cara mengukus, merebus, memanggang dan menggoreng tohor dengan menggunakan minyak yang minima.
- e) Video contoh akan dikongsikan didalam panduan syarat.
- f) Peserta perlu merakam video mengikut panduan masa yang ditetapkan. Durasi masa adalah 3 minit selepas penyuntingan. **(Rujukan Lampiran 2)**

Langkah 3: Muat naik resepi, video dan surat persetujuan

- a) Peserta harus muat naik video di akaun Facebook atau Instagram untuk mendapatkan pautan.
- g) Akaun Facebook atau Instagram peserta harus ditetapkan kepada umum.
- b) Setelah video dimuat naik di Facebook atau Instagram, pautan perlu dikongsi di dalam borang Qualifio. Sila ikuti panduan yang telah dikongsikan.
- c) Resipi penulisan (bersama kos) juga perlu dimuat naik di dalam borang Qualifio.
- d) Selepas peserta memuat naik video resipi dan resipi penulisan, pihak MAGGI® akan kongsi kod e-wallet 'Shopee' bernilai RM80 kepada 1000 peserta yang pertama menyertai peringkat kedua.
- e) Syarat untuk penerimaan Voucher e-wallet, kedua-dua peserta perlu melengkapkan kuiz dan serta menghantar pautan video.

Langkah 4: Penjurian Peringkat Negeri

- a) Penjurian akan bermula pada **8 November** sehingga **15 November 2023**. (Tertakluk kepada pindaan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan MAGGI®). Penyenaraian pemenang akan dibuat selepas tarikh selesai penjuriaan.
- b) Kesemua pihak juri terdiri daripada chef dan pakar pemakanan Nestle®.
- c) Kesemua maklumat, video, resepi akan diberikan kepada juri untuk diadili mengikut kriteria pengadilan yang disediakan. **(Rujukan Lampiran 3)**
- d) Pemenang akan disenarai pendek mengikut setiap negeri dan tiga pemenang akan dipilih untuk setiap negeri.
- e) Penyertaan pertandingan Johan, Naib Johan dan Ketiga akan dipilih untuk pemberian hadiah.

Undian Favorit Secara 'Online'

- a) Kesemua 16 video Johan Negeri akan dimuatnaik kedalam laman sosial MAGGI® Malaysia.

- b) Pautan di laman sesawang MAGGI® akan di pautkan ke 'Youtube' untuk orang awam menonton video setiap pasukan negeri.
- c) Selepas menonton video, boleh mengundi secara 'online' di laman Facebook dengan menekan butang "LIKE".
- d) Pengundian tertinggi akan mendapat hadiah sebanyak RM 1000.

(Tertakluk kepada pindaan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan MAGGI®).

Rujukan Lampiran seperti di atas:

Lampiran 1

a) Resipi dan Penetapan Serta Kos Menu

RESEPI DAN PENETAPAN SERTA KOS MENU				
NAMA RESEPI : AYAM TERIYAKI				
NO	BAHAN	BERAT (GRAM/ML)	HARGA (PER Pack/botol)	HARGA BAHAN
1	Sos Tiram MAGGI	40	5.88	0.47
2	air	60	0	0.00
3	kicap pekat	2.5	6.02	0.03
4	gula perang	22.5	2.49	0.11
5	cuka	15	2.16	0.10
6	jus halia	5	1.2	0.06
7	dada ayam	250	12.99	3.25
8	peha ayam	250	8.99	2.25
HARGA SATU RESEPI				6.26
Cara Penyediaan:				
1	Gaulkan kesemua bahan didalam mangkuk. Perapkan semalaman.			
2	Panaskan minyak didalam non stick pan, dan masukkan ayam dan tumiskan sehingga garing.			
3	Hidangkan panas			



Gambarajah A



Gambarajah B

Lampiran 2

b) Rujukan Panduan Merakam Video

3 minit Durasi untuk membuat video - selepas di edit

Garis panduan	Durasi Masa
<p>Pengenalan – haruslah menarik dan ringkas</p> <ul style="list-style-type: none">- Pengenalan Diri – memperkenalkan nama, umur dengan gaya yang mesra- Haruslah menjelaskan tema dan konsep masakan yang akan dipersembahkan	30 saat
<p>Bahagian Memasak</p> <ul style="list-style-type: none">- Nama masakan/Jenis masakan – Hidangan yang akan dimasak- Pengenalan bahan-bahan - terangkan bahan-bahan yang digunakan- Cara memasak - terangkan cara memasak- Kaedah masakan (kelainan dalam masakan)- Adakah masakan ciptaan sendiri atau inspirasi dari sebuah hidangan yang sedia ada?- Manfaat nutrisi dalam masakan - terangkan penggunaan bahan atau kaedah masakan yang berlainan	2 minit
<p>Penutup</p> <ul style="list-style-type: none">- Menceritakan sedikit mengenai inspirasi di sebalik hidangan yang dimasak <p>Contoh: Menjamu sajian lengkap kepada ibu bapa sambil berkongsi inspirasi disebalik olahan masakan dengan cara 'show and tell' yang menarik</p>	60 saat

'Show' adalah bagaimana peserta menunjukkan bakat memasak dengan panduan diatas

'Tell' adalah menceritakan/menjelaskan kaedah masakan dan keseluruhan pengalaman didalam video masakan.

Lampiran 3

Garis Panduan Penjurian

Bahagian 1		Markah
	Penyampaian (Dalam video - Keseluruhan)	40
	Penulisan dan Penyenaiaan Menu	15
	Jumlah Markah P1	55
Bahagian 2		Markah
	Penjelasan tentang Tema & Konsep masakan - Perlu menjelaskan di dalam video	10
i	Tema = Anda & MAGGI®	
ii	Apakah konsep masakan anda? Contohnya masakan melayu, fusion, cina, india, barat dll.	
iii	Terangkan secara ringkas kenapa konsep tersebut dipilih dan bagaimana dia memenuhi tema yang ditetapkan.	
	Penggunaan produk Nestle/ MAGGI - Menjelaskan didalam video	5
i	Apakah produk Nestle/ MAGGI yang digunakan?	
ii	Kenapa memilih produk tersebut?	
iii	Tahukah anda? Hidangan yang dimasak menggunakan produk MAGGI tidak perlu ditambah garam lagi!	
	Kaedah Memasak - Penjelasan perlu disebut dalam video	15
i	Kenapa anda memilih kaedah masakan tersebut?	
ii	Apakah kelebihan kaedah masakan yang dipilih?	
iii	Adakah kaedah masakan ini memberi kelainan dalam hidangan anda?	
	Penyampaian manfaat nutrisi hidangan - Penjelasan ringkas dalam video	15
i	Adakah hidangan ini merupakan menu ciptaan anda tersendiri atau modifikasi resipi inspirasi terkini?	
ii	Apakah manfaat nutrisi dari hidangan ini?	
iii	Adakah anda menggunakan bahan mentah unik atau ianya dimasak secara lebih sihat?	
	Jumlah Peringkat 2	45
Kedua- dua markah (Bahagian 1 & 2) akan dicampur bagi penentuan Pemenang.		100

Permarkahan Peringkat Negeri

Bil	Nama Peserta	Penyampaian (Dalam video - Keseluruhan) (40 markah)				Penulisan dan Penyenaraian Menu (15 markah)				Penjelasan tentang Tema & Konsep masakan (10 markah)				Penggunaan produk Nestle/ MAGGI (5 markah)				Kaedah masakan (15 markah)				Penyampaian manfaat nutrisi hidangan (15 markah)				Jumlah
		M	S	H	V	M	S	H	V	M	S	H	V	M	S	H	V	M	S	H	V	M	S	H	V	

Lampiran 4

Kesemua pemberian hadiah kepada pemenang adalah tertakluk kepada prosidur yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Hadiah untuk Pertandingan Akhir Peringkat Negeri:

Bil	Negeri	DIHADIAHKAN KEPADA 3 SEKOLAH PEMENANG			DIHADIAHKAN KEPADA 3 PESERTA			JUMLAH PERINGKAT NEGERI
		Johan	Naib Johan	Ketiga	Johan	Naib Johan	Ketiga	
1	SELANGOR	600	500	300	400	300	200	2300
2	JOHOR	600	500	300	400	300	200	2300
3	PERAK	600	500	300	400	300	200	2300
4	KEDAH	600	500	300	400	300	200	2300
5	SABAH	600	500	300	400	300	200	2300
6	PAHANG	600	500	300	400	300	200	2300
7	SARAWAK	600	500	300	400	300	200	2300
8	KELANTAN	600	500	300	400	300	200	2300
9	TERENGGANU	600	500	300	400	300	200	2300
10	PULAU PINANG	600	500	300	400	300	200	2300
11	NEGERI SEMBILAN	600	500	300	400	300	200	2300
12	MELAKA	600	500	300	400	300	200	2300
13	PERLIS	600	500	300	400	300	200	2300
14	WP KUALA LUMPUR	600	500	300	400	300	200	2300
15	WP PUTRAJAYA	600	500	300	400	300	200	2300
16	WP LABUAN	600	500	300	400	300	200	2300
JUMLAH		9,600	8,000	4,800	6,400	4,800	3,200	36,800

Hadiah untuk negeri dengan penyertaan tertinggi (1 Pemenang untuk setiap Negeri):

(Tidak akan diumumkan dalam laman web)

Hadiah	Jumlah
5 x Negeri	RM1,000

Pertandingan Memasak Sekolah-Sekolah Menengah MAGGI 2023 (Peringkat Kebangsaan)

A. Kelayakan Peserta

- ii. Semua JOHAN Peringkat Negeri secara automatik layak untuk bertanding di Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan di Zon tengah pada 30 November 2023 (tertakluk kepada pindaan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan MAGGI®).

B. Tema Masakan:

- i. Tema Masakan 2023: **Sajian Seimbang Inspirasi Warisan.**
- ii. Penggunaan dapur ketuhar gelombang mikro dan arang tidak dibenarkan.
- iii. Peralatan atau perkakas memasak berkuasa tinggi tidak dibenarkan dalam pertandingan ini. (tidak melebihi voltaj 240kwh atau 13AMP).
- iv. Peserta mesti memakai pakaian seragam sekolah semasa pertandingan.
- v. Apron dan topi chef akan disediakan oleh pihak MAGGI® dan wajib dipakai semasa pertandingan.
- vi. Nama sekolah atau negeri tidak boleh dipamerkan di atas meja pertandingan. Hal ini adalah untuk mengelakan “favoritism” supaya keputusan pengadilan tidak memihak kepada mana-mana sekolah atau negeri.
- vii. Guru Pembimbing dan Murid yang menjadi johan peringkat Negeri tidak boleh ditukar semasa pertandingan akhir peringkat Kebangsaan. Sebarang pertukaran sekiranya perlu, hendaklah mendapatkan kelulusan daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia terlebih dahulu.

C. Format Pertandingan:

- I. Pertandingan Akhir Peringkat Kebangsaan dibahagikan kepada dua pusingan:
Pusingan Pertama: Masakan Kreatif Inspirasi Sendiri*
Pusingan Kedua: Kotak Misteri MAGGI®*
*(tertakluk kepada pindaan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan MAGGI®).
- iii. 16 peserta akan bertanding pada pusingan pertama dan masa yang diberikan adalah 60minit.
- iv. Juri akan memilih 5 peserta terbaik untuk mara ke pusingan kedua.
- v. 5 peserta akan bertanding dengan bertemakan Kotak Misteri MAGGI. Masa yang diberikan adalah 30 minit.
- vi. Keputusan pihak juri adalah muktamad.

Hadiah untuk Pertandingan Akhir Peringkat Kebangsaan:

	JOHAN	NAIB JOHAN	KE-TIGA	KE-EMPAT	KE-LIMA	SAGUHATI X11
Hadiah Untuk Peserta	RM 3,000	RM 2,400	RM 1,800	RM 1,200	RM 600	RM 300
Hadiah Untuk Sekolah	RM 2,000	RM 1,600	RM 1,200	RM 800	RM 400	RM 200
Jumlah Hadiah	RM 5,000 + 2 Sijil + 2 Medal +1 Trofi +2 Hamper MAGGI	RM 4,000 + 2 Sijil + 2 Medal +1 Trofi +2 Hamper MAGGI	RM 3,000 + 2 Sijil + 2 Medal +1 Trofi +2 Hamper MAGGI	RM 2,000 + 2 Sijil + 2 Medal +1 Trofi +2 Hamper MAGGI	RM 1,000 + 2 Sijil + 2 Medal +1 Trofi +2 Hamper MAGGI	2 Sijil + 2 Hamper MAGGI

1. PEMARKAHAN Pertandingan Pusingan Pertama (Masakan Kreatif Inspirasi Sendiri)

(tertakluk kepada pindaan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan MAGGI®).

Penjelasan tentang Tema & Konsep masakan	20 Markah	Penyampaian manfaat nutrisi hidangan	15 Markah
Penggunaan produk Nestle/ MAGGI®	10 Markah	Persembahan dan kreativiti atas pinggan	15 Markah
Kaedah masakan	10 Markah	Rasa Masakan	30 Markah

2. PEMARKAHAN Pertandingan Pusingan Kedua – Kotak Misteri MAGGI

(tertakluk kepada pindaan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan MAGGI®).

Penjelasan tentang Tema & Konsep masakan	20 Markah	Penyampaian manfaat nutrisi hidangan	15 Markah
Penggunaan produk Nestle/ MAGGI®	10 Markah	Persembahan dan kreativiti atas pinggan	15 Markah
Kaedah masakan	10 Markah	Rasa Masakan	30 Markah

BORANG PENGHAKIMAN PUSINGAN PERTAMA

BORANG PENGHAKIMAN PERINGKAT

Negeri :

Nama Hakim :

Tarikh Pertandingan :

Tempat Pertandingan :

Nombor Meja	Penjelasan tentang Tema & Konsep masakan (20 markah)	Penggunaan produk Nestle/ MAGGI (10 markah)	Kaedah masakan (10 markah)	Penyampaian manfaat nutrisi hidangan (15 markah)	Persembahan dan kreativiti atas pinggan (15 markah)	Rasa Masakan (30 markah)	Jumlah (100 Markah)

Tandatangan Hakim	
-------------------	--



BORANG PENGHAKIMAN PUSINGAN KEDUA

BORANG PENGHAKIMAN PERINGKAT 2 - MAGGI Mystery Box Challenge

Negeri :

Nama Hakim :

Tarikh Pertandingan :

Tempat Pertandingan :

Nombor Meja	Penjelasan tentang Tema & Konsep masakan (20 markah)	Penggunaan produk Nestle/ MAGGI (10 markah)	Kaedah masakan (10 markah)	Penyampaian manfaat nutrisi hidangan (15 markah)	Persembahan dan kreativiti atas pinggan (15 markah)	Rasa Masakan (30 markah)	Jumlah (100 Markah)

Tandatangan Hakim	
-------------------	--



PERTANDINGAN MEMMASAK SEKOLAH SEKOLAH MENENGAH
PERINGKAT AKHIR 2023
BORANG KEPUTUSAN

NO.MEJA	SENARAI NAMA SEKOLAH	DAERAH	KEPUTUSAN
<i>1</i>			
<i>2</i>			
<i>3</i>			
<i>4</i>			
<i>5</i>			
<i>6</i>			
<i>7</i>			
<i>8</i>			
<i>9</i>			
<i>10</i>			
<i>11</i>			
<i>12</i>			
<i>13</i>			
<i>14</i>			
<i>15</i>			
<i>16</i>			

(UNTUK HAKIM, NESTLE DAN JURUACARA)

PERANAN MAGGI®

MAGGI® akan menaja sepenuhnya dalam menjayakan Pertandingan Memasak Sekolah-Sekolah Menengah Peringkat Negeri dan Kebangsaan 2023 seperti berikut:

1. Hadiah wang tunai, sijil, trofi dan hamper bagi peserta dan guru pembimbing untuk peringkat kebangsaan.
2. Hamper untuk VIP, Media dan Hakim
3. Pada pertandingan peringkat Kebangsaan pihak MAGGI® akan menyediakan:
 - I. Dapur mudah alih 'Portable stove'
(tidak termasuk pekakas seperti kualiti, mesin kisar dan sebagainya)
 - II. Bahan mentah
 - III. Produk MAGGI®/Nestle
 - IV. Meja bertanding
 - V. Kertas dan pensil
 - VI. Apron dan Topi Chef
4. Menyediakan kain rentang, 'backdrop', skirting meja dan 'buntings' untuk dipamerkan semasa pertandingan
5. Pihak MAGGI® akan menyediakan 3 orang Hakim di peringkat akhir kebangsaan :
 - i. Seorang Chef dari Maggi*
 - ii. Tetamu Jemputan (2 orang)*
 - iii. Pakar Pemakanan (Nestle) *

*(tertakluk kepada pindaan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan MAGGI®).
6. Segala kos perjalanan (termasuk tiket penerbangan untuk peserta dan guru pembimbing dari Sabah, Sarawak dan Labuan), penginapan dan makan minum dan guru pembimbing di peringkat kebangsaan akan dibiayai oleh pihak MAGGI®.
7. Perjalanan pasukan negeri – negeri Semenanjung Malaysia ke peringkat kebangsaan akan dibiayai oleh pihak Nestle.